

15 MAR 2002

Mahathir-Islam/I

DR MAHATHIR BERJUMPA MASYARAKAT ISLAM DI MOSCOW

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

MOSCOW, 15 Mac (Bernama) -- Sempena sambutan Maal Hijrah, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengadakan perjumpaan dengan masyarakat Islam dan menunaikan solat Jumaat di masjid utama Moscow di sini hari ini.

Pengerusi Majlis Mufti Rusia Ravil Gainutdin, yang menyambut Perdana Menteri berkata, masyarakat Islam di Rusia amat berbesar hati dengan lawatan Dr Mahathir ke Masjid Perfect Mira.

Terdapat kira-kira 1.5 juta orang Islam di Moscow daripada 20 juta jumlah penduduk di Rusia.

Ketika berucap kepada jemaah solat Jumaat itu, Dr Mahathir berkata adalah menjadi tanggungjawab orang Islam untuk menghapuskan imej negatif yang dilemparkan terhadap agama itu.

"Hari ini kita hidup dalam masa yang sukar apabila orang Islam dituduh sebagai pengganas dan sebagai bertanggungjawab dalam menimbulkan banyak masalah di dunia.

"Adalah menjadi tanggungjawab kita untuk membuktikan bahawa imej Islam yang sebegitu adalah salah," katanya.

Dr Mahathir berkata orang Islam boleh berbuat demikian dengan cara mengikuti ajaran Islam untuk hidup secara aman.

"Kita tidak seharusnya bertindak ganas dalam usaha untuk mengembalikan kegemilangan kita seperti di zaman silam," katanya.

Sebaliknya orang Islam perlu menguasai semua bidang dan membangunkan masyarakat dan negara mereka, katanya.

"Tidak ada sebab kenapa orang Islam dan negara-negara Islam tidak boleh menjadi maju seperti negara yang termaju di dunia," katanya.

Malaysia mahu membuktikan bahawa negara Islam boleh menjadi maju sepertimana negara-negara maju di Barat, katanya.

"Tanpa meninggalkan ajaran Islam, kami telah cuba mendapatkan pengetahuan supaya kami boleh jadi maju seperti negara-negara lain di dunia," katanya.

Perdana Menteri berkata orang Islam akan dihormati jika mereka maju dan kuat.

Dr Mahathir menyampaikan sumbangan US\$10,000 (RM38,000) daripada kerajaan bagi pelbagai program yang dikendalikan oleh masjid itu.

-- BERNAMA

AZZ DC RHM